

Ahli UMNO mula banjiri PWTC

UM 17 JUN 2003

KUALA LUMPUR 16 Jun -- Sebanyak 90,000 hidangan akan disediakan oleh pengurusan Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) sepanjang Perhimpunan Agung UMNO ke-57 yang bermula esok hingga Sabtu ini.

Ketua Pegawai Eksekutif PWTC, Datuk Yaakob Mohammad berkata, jumlah tersebut adalah lebih besar berbanding 65,000 hidangan yang disediakan pada perhimpunan tahun lepas.

"Tempahan makanan meningkat berikutan pertambahan perwakilan yang kini mempunyai wakil Pereerakan Puteri UMNO.

"Selain itu, "perhimpunan kali ini adalah yang terakhir untuk Presiden UMNO, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad sebelum berundur Oktober ini, oleh itu, saya jangkakan jumlah ahli UMNO termasuk nelawat sepanjang perhimpunan juga bertambah berbanding tahun-tahun sebelumnya," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita pada taklimat khas berkaitan persiapan terakhir perhimpunan tahunan parti itu di PWTC hari ini.

Dr. Mahathir dijadualkan menyampaikan amanat beliau pada majlis perasmian perhimpunan itu Khamis ini yang akan disiarkan secara langsung ke seluruh negara oleh media elektronik.

Malam esok, Timbalan Presiden UMNO, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi akan merasmikan Perhimpunan Agung Tahunan Pergerakan Wanita, Pemuda dan Puteri UMNO di Dewan Merdeka.

Yaakob berkata, perhimpunan kali ini juga memperlihatkan perbezaan apabila gerai-gerai jualan yang disediakan lebih kemas dan teratur berbanding tahun-tahun sebelumnya.

"Sebanyak 450 gerai dengan imej baru disediakan sama seperti sewaktu penganjuran Persidangan Negara-Negara Berkecuali (NAM) dulu supaya ia kelihatan lebih teratur dan kemas," ujarnya.

Dalam pada itu, beliau berkata, bagi menampung jumlah pemerhati yang hadir pada perhimpunan lima hari itu, pengurusan PWTC menjadikan Dewan Tun Hussein Onn sebagai dewan tambahan untuk pemerhati yang boleh memuatkan sehingga 1,000 orang.

Katanya, sebuah layar besar disediakan untuk membolehkan mereka mengikuti ucapan dasar Presiden UMNO pada Khamis ini.

"Selain itu, kita turut sediakan televisyen litar tertutup di setiap aras. Tahun lalu kita cuma sediakan di aras-aras tertentu sahaja," tambahnya.

Selain itu, beliau memberitahu, sebanyak 85 pegawai keselamatan akan bekerjasama dengan Polis Diraja Malaysia (PDRM) mengawal ketenteraman awam di sekitar PWTC.

"Pihak pengurusan juga mempunyai 580 kakitangan yang akan bertugas sepanjang perhimpunan itu nanti," katanya.

Sementara itu, tinjauan Utusan Malaysia di PWTC petang ini mendapati kira-kira 95 peratus persiapan untuk perhimpunan itu telah selesai.